Dokumen Meja Terkawal

**KERJA-KERJA UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PENYELENGGARAAN JALAN DI KAWASAN BP6 DAN BP7, MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.**

| BIL | HURAIAN KERJA | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| | **PERSEDIAAN AWALAN, KESELAMATAN DAN PENYEDIAAN LAPORAN BERGAMBAR.** | |
| | **Peralatan Keselamatan Pekerja** | |
| A | Menyediakan segala peralatan perhubungan dan keselamatan yang mencukupi bagi semua pekerja/kakitangan kontraktor yang terlibat di tapak seperti *walkie talkie* , topi keselamatan, *vest* keselamatan, but keselamatan, but kalis air, baju hujan dan lain - lain keperluan berkaitan yang dirasakan perlu. (untuk kegunaan kakitangan kontraktor sepanjang tempoh kontrak) | 2,000.00 |
| | **Keselamatan Lokasi Kerja** | |
| B | Menyediakan set sistem penyuraian trafik yang **WAJIB** digunakan sepanjang tempoh kerja dijalankan ditapak yang mengandungi perkara berikut :<br>a. papan tanda tunjuk arah (*diversion signboard)*- minima 4 set<br>b. papan tanda amaran (*warning signboard* ) - minima 4 set<br>c. papan tanda halaju - minima 2 set<br>d. papan tanda elektronik (sekiranya berkaitan)<br>e. kon keselamatan - minima 15 unit | 7,000.00 |
| | **NOTA 1** Semua peralatan diatas perlu **dibekal baru** bagi lokasi kerja. Setiap peralatan perlu sentiasa bersih agar ia kelihatan (*visible* ) kepada pengguna laluan ini. Spesifikasi papantanda yang digunakan perlu mematuhi Jadual Alat Keselamatan **JKR-REAM** atau lebih tinggi. Setiap peralatan perlu mendapat kelulusan/kebenaran Pegawai Penguasa atau wakilnyasebelum ia boleh digunakan di lokasi kerja. Peralatan yang tidak mematuhi syarat akan/perlu dikeluarkan dari tapak. | |

| BIL | HURAIAN KERJA | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| | **PERSEDIAAN AWALAN, KESELAMATAN DAN PENYEDIAAN LAPORAN BERGAMBAR. (Samb.)** | |
| | **Keselamatan Lokasi Kerja** | |
| A | Menyediakan satu kumpulan pengawal/penyurai trafik yang akan menyusun semua peralatan trafik dan mengawal lalulintas dilokasi kerja sepanjang kerja dijalankan. Kumpulan ini perlu dibekalkan dengan peralatan seperti yang dinyatakan dibawah mengikut kesesuaian lokasi dan waktu kerja dijalankan serta lain-lain keperluan berkaitan yang dirasakan perlu untuk tugasan ini. | 12,000.00 |
| | a. Topi keselamatan **(Wajib)**<br>b. *Vest* keselamatan ( hijau sahaja - lengkap dengan pemantul cahaya)<br>c. Kasut keselamatan **(Wajib)**<br>d. Bendera (hijau dan merah) **(Wajib)**<br>e. *Amber colour blinker light* baru (**setiap 10m**)<br>f. *Red colour tube light* baru **(Wajib)**<br>g. Set lampu limpah baru ( kerja waktu malam)<br>h. *Generator* (kerja waktu malam)<br>j. *Red and white hazard tape* | |
| | **NOTA 1** **Kegagalan** pihak kontraktor mematuhi **PPT** dalam menyediakan serta mematuhi spesifikasi peralatan dan pemasangan peralatan seperti didalam **BIL E, BIL F dan BIL G** tersebut akan menyebabkan pihak kontraktor dikenakan **DENDA** sebanyak **RM 1,000.00 setiap hari** sehingga ia mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Denda akan dibuat melalui pemotongan dari jumlah tuntutan pembayaran yang dikemukakan (maksima hari kesalahan ialah 3 hari, selepas dari itu, pihak jabatan akan mengeluarkan **'NOTIS BERHENTI KERJA'**. Kerja hanya boleh dimulakan semula apabila pihak kontraktor telah mematuhi syarat dan spesifikasi yang ditetapkan). | |
| | **NOTA 2** **Tuntutan akan dibahagikan kepada dua belas (12) bulan dan dibayar secara bulanan berdasarkan kepada bukti bergambar yang dikemukakan kelak** | |
| | **Laporan Bergambar** | |
| B | Menyediakan dan mengemukakan laporan bergambar lengkap bersama tuntutan bayaran termasuk Invois, Borang arahan kerja, Peta Lokasi Kerja, Gambar Kerja (dicetak di atas kertas berukuran A4 putih lengkap dengan tarikh dan dijilid kemas menggunakan *comb binding* | 250.00 |